

Keluarga angkasawan alami perasaan berbaur

Sinar Harian m/s N.S 10.10.07

CUKUP teruja kerana namanya akan terpahat dalam lembaran sejarah negara sebagai angkasawan pertama Malaysia; dalam masa yang sama prihatin tentang keselamatan dirinya.

Ini reaksi berbaur keluarga Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha sebaik mendapat berita bahawa beliau terpilih sebagai warga Malaysia pertama akan dilancarkan ke angkasa lepas dalam pesawat angkasa Soyuz Russia hari ini.

"Alhamdulillah, ini berita gemilang untuk kami sekeluarga," kata

abang sulungnya Sheikh Ahmad.

"Kami menunggununggu (peristiwa itu) dan memang, kami cukup gembira tetapi pada ketika yang sama begitu prihatin tentang keselamatannya oleh kerana beliau muncul sebagai rakyat Malaysia pertama yang akan ke sana (angkasa lepas)," katanya ketika dihubungi menerusi telefon.

Sheikh Ahmad, instruktur keselamatan dalam-penerbangan Penerbangan Malaysia berusia 37 tahun itu berkata, keluarganya bangga dengan pencapaian Sheikh

Muszaphar.

Beliau disifatkan sebagai seorang yang amat cekal, fokus dan cukup berdisiplin dalam hidup, disertai daya fikir yang inkuisitif dan analitikal.

Sheikh Ahmad berkata adiknya itu menghubungi keluarga hampir setiap hujung minggu dan menghantar e-mel gambar-gambarnya dalam latihan kepada keluarga.

"Kami tentunya merasakan ketiadaan beliau pada Ramadan ini, tetapi dalam masa yang sama begitu teruja kerana beliau pergi melaksanakan misi negara," katanya.